

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA  
MAHKAMAH TINGGI,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50050 KUALA LUMPUR.

Bil: (68) dlm JK/MA 16  
Tarikh: 28hb Mac, 1990.

Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen,  
Majistret-Majistret,  
Semenanjung Malaysia.

Tuan/Puan,


PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1 TAHUN 1990.  
KESELAMATAN FAIL-FAIL MAHKAMAH

Y.A.A. Hakim Besar Malaya telah mengarahkan bahawa mana-mana pegawai kehakiman yang ditukarkan dari sesuatu mahkamah tidak dibenarkan membawa bersama-sama mereka fail-fail dari mahkamah tersebut. Jika didapati perlu kandungan sesuatu fail tersebut diberikan kepada pegawai-pegawai yang ditukarkan itu sama ada bagi tujuan sambung bicara bagi kes-kes separuh bicara atau untuk penyediaan alasan penghakiman ke atas kes-kes yang telah diputuskan, maka hanya salinan fotostat bagi kandungan fail-fail tersebut boleh diberikan kepada pegawai-pegawai berkenaan.

2. Arahan ini adalah bertujuan untuk mengatasi masalah kehilangan fail-fail mahkamah dan adalah dengan ini berkuatkuasa dengan serta-merta.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

  
(HASAN BIN LAH)  
Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya,  
Kuala Lumpur.

s.k.

- 1) Ketua Pendaftar.
- 2) Penolong Kanan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya.
- 3) Pendaftar Mahkamah Sesyen,  
Semenanjung Malaysia.